



## MENYINGKAP PERANAN PEMIMPIN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU DALAM MENANGANI ISU SINGAPURA (1961-1963)

*UNVEILING THE ROLE OF THE LEADER OF THE FEDERATION OF MALAYA  
IN ADDRESSING THE ISSUE OF SINGAPORE (1961-1963)*

Mohd. Sohaimi Esa<sup>1\*</sup>, Romzi Ationg<sup>2\*</sup>, Saifulazry Mokhtar<sup>3\*</sup>, Irma Wani Othman<sup>4</sup>, Azman Che Mat<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: msohaimi@ums.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: mratong@ums.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my

<sup>4</sup> Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Email: irma@ums.edu.my

<sup>5</sup> Akademi Pengajaran Bahasa, Universiti Teknologi MARA Terengganu, Malaysia

Email: azman531@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 20.03.2023

Revised date: 16.04.2023

Accepted date: 31.05.2023

Published date: 06.06.2023

#### To cite this document:

Esa, M. S., Ationg, R., Mokhtar, S., Othman, I. W., & Che Mat, A. (2023). Menyingkap Peranan Pemimpin Persekutuan Tanah Melayu Dalam Menangani Isu Singapura (1961-1963). *International Journal of Law, Government and Communication*, 8 (32), 207-222.

### Abstrak:

Selepas kemerdekaan, para pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah memberikan perhatian ke arah merealisasikan gagasan Malaysia. Pemimpin kerajaan persekutuan ini diterajui oleh kepimpinan Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak. Idea gagasan ini melibatkan tiga wilayah, iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Namun begitu, usaha untuk merealisasikan gagasan tersebut menimbulkan beberapa isu yang perlu ditangani oleh para pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu secara hikmah lagi bijaksana. Isu-isu yang berlaku turut melibatkan semua wilayah atau negeri yang terlibat, termasuk Singapura. Justeru, kertas kerja ini akan membincangkan peranan yang dimainkan oleh pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam menangani isu Singapura dalam usaha meleraikan kemelut yang berlaku agar gagasan ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Pendekatan dalam kajian ini bersifat kualitatif dengan menggunakan disiplin ilmu sejarah dengan berasaskan sumber primer dan sekunder. Tempoh kajian bermula dari Mei 1961 hingga September 1963 kerana tempoh ini

DOI: 10.35631/IJLGC.832017.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



mempunyai signifikan yang begitu besar dalam usaha pembentukan Persekutuan Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa isu berbangkit yang melibatkan Singapura seperti kepentingan strategik kolonial British, menangani ancaman Komunis, permasalahan politik dan komposisi kaum. Sungguhpun begitu, isu-isu yang dihadapi tersebut berjaya di atasi apabila Singapura menjadi sebahagian dari Persekutuan Malaysia yang diisyiharkan pada 16 September 1963.

#### Kata Kunci:

Gagasan Malaysia, Pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, Singapura

#### Abstract:

After independence, the leaders of the Federation of Malaya government paid attention towards the realization of the idea of Malaysia. The leader of the federal government was led by the leadership of Tunku Abdul Rahman-Tun Abdul Razak. The idea involved three regions, namely the Federation of Malaya, Singapore, Sabah and Sarawak. However, efforts to realize the idea raise several issues that need to be addressed by the leaders of the Federation of Malaya government in a wise and wise manner. The issues also involved all the regions or states involved, including Singapore. Thus, this paper will discuss the role played by the leaders of the Federation of Malaya government in addressing the Singapore issue to resolve the turmoil so that this idea can be implemented successfully. The approach in this study is qualitative by using historical disciplines based on primary and secondary sources. The study period began from May 1961 to September 1963 as this period had great significance in the formation of the Federation of Malaysia. The findings found that there were several issues involving Singapore such as British colonial strategic interests, addressing Communist threats, political problems and racial composition. Nevertheless, the issues faced were successfully resolved when Singapore became part of the Federation of Malaysia which was declared on 16 September 1963.

#### Keywords:

Singapore, The Leaders of the Federation of Malaya, The idea of Malaysia, Singapore

## Pendahuluan

Nama Singapura bukanlah asing bagi para pemimpin, mahupun penduduk Persekutuan Tanah Melayu. Singapura dan Tanah Melayu saling bergandingan dengan memiliki saling hubungan yang tidak dapat dipisahkan, kata pepatah seumpama bagi aur dengan tebing, apalah lagi apabila dilihat dari perspektif geografi dan sejarah. Dari segi geografi, Singapura itu hanyalah sebuah pulau yang terletak di selatan Semenanjung Malaysia, namun memiliki sejarah yang tersendiri lagi dinamik yang berubah mengikut arus zaman. Dari segi sejarah, Singapura itu asalnya milik orang Melayu apabila di bawah pemerintahan empayar Kesultanan Melayu Johor-Riau. Akan tetapi akibat gerakan kolonialisasi kuasa Barat keadaan mula berubah apabila Singapura dikuasai oleh British. Pada tahun 1819, Stamford Raffles dikatakan telah ‘membuka’ Singapura yang menjadi suatu istilah keramat bagi tujuan pihak kolonial menghalalkan segala tindakannya. Sejak itu, Singapura menjadi tanah jajahan mahkota British

yang terpenting di rantau Asia. Singapura turut mengalami pembangunan yang pesat dari segi pentadbiran dan pemerintahan, serta perdagangan dan perniagaan. Tambahan pula, kedudukan Singapura itu turut membantu kolonial British dari segi keselamatan dan strategik. Perjanjian Inggeris-Belanda (1824), melengkapkan penguasaan kolonial Britsih yang meliputi Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei (Sansalu, 2015). Justeru itu, tiada pemimpin Persekutuan Tanah Melayu yang tidak memahami sejarah Singapura. Hal ini tentu diambil maklum oleh Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Abdul Razak.

Selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, pemimpin Persekutuan Tanah Melayu turut terpanggil akan keperluan meluaskan lagi wilayahnya yang meliputi juga tanah jajahan British lain di Asia Tenggara. Wilayah yang terdekat termasuk Singapura, Sabah (Borneo Utara), Sarawak dan Brunei. Apa pun agenda gabungan pembentukan Persekutuan Malaysia masih ditunjangi dengan kepentingan, serta strategik British di rantau ini. Pada hakikatnya, pemimpin Persekutuan yang masih baharu meraikan kemerdekaan sedar dengan hasrat dan matlamat British tersebut. Namun begitu, sukar untuk menolaknya apabila terdapat pelbagai faktor semasa, antaranya termasuklah keperluan kemerdekaan wilayah naungan British, kelestarian pembangunan ekonomi, ancaman Komunis dan strategik keselamatan. Suasana Singapura itu berbeza dengan situasi di Sabah, Sarawak dan Brunei (Esa, 2001). Sesungguhnya, terdapat beberapa keunikannya yang tersendiri, Singapura berbanding dengan wilayah lain. Dari keunikan tersebut, maka terdapat beberapa cabaran dan rintangan yang terpaksa dihadapi oleh pemimpin Persekutuan Tanah Melayu dalam berhadapan dengan isu Singapura tersebut. Justeru itu, objektif artikel ini menyentuh tentang beberapa isu yang perlu ditangani secara hikmah agar idea gagasan Malaysia dapat dijayakan dengan sempurna. Sebelum dibincangkan lebih lanjut, maka terlebih dahulu diuraikan tentang permasalahan kajian.

### **Pemasalahan Kajian**

Pada 27 Mei 1961, Tunku Abdul Rahman telah membuat pengumuman mengenai gagasan Malaysia yang mengandungi Tanah Melayu, Singapura dan tiga wilayah Borneo iaitu Sabah (Borneo Utara), Sarawak dan Brunei. Pengumuman ini dibuat dalam majlis jamuan makan tengah hari yang dianjurkan oleh Persatuan Wartawan Asing Asia Tenggara di Singapura (Department of Information, Federation of Malaya, Malaysia, No. 2, April 1962). Implikasi daripada pengumuman ini dikatakan telah menarik perhatian pelbagai pihak terhadap gagasan tersebut. (*The Sunday Times*, 28 Mei 1961; *North Borneo News and Sabah Times*, 28 Mei 1961) Sesungguhnya, cadangan Tunku Abdul Rahman itu dianggap sebagai berita sensasi bagi semua pihak yang terlibat, walaupun ideanya bukanlah sesuatu yang baharu (Rahman, 1977, Esa, 2013). Idea ini pernah dibincangkan sejak selepas Perang Dunia Kedua, khususnya pihak kolonial British. Bagi pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, pengumuman Tunku Abdul Rahman itu dianggap sebagai titik permulaan usaha yang dilakukan dengan lebih serius untuk menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura dan ketiga-tiga wilayah Borneo yang ketika itu masih lagi di bawah naungan kerajaan British. Rata-rata pengkaji juga meletakkan tarikh tersebut sebagai bermulanya secara serius usaha ke arah merealisasikan gagasan Malaysia (Sopiee, 1974; Means, 1963; Andaya & Andaya, 1982; Esa, 2020).

Persoalannya, bagaimanakah reaksi pemimpin lain, selain Tunku Abdul Rahman dalam isu yang melibatkan Singapura untuk gabungan tersebut? Hal ini menarik perhatian untuk melihat reaksi mereka kerana gabungan tersebut juga melibatkan usaha pihak kolonial British secara

langsung. Mereka juga sedar bahawa pihak kolonial mempunyai agenda dan kepentingan yang begitu signifikan ke atas Singapura yang dikenali sebagai ‘tanah jajahan mahkota British’. Tambahan pula, Tanah Melayu yang masih baharu empat tahun merdeka sudah tentu terdapat banyak hal ehwal yang perlu diselesaikan di peringkat domestik. Reaksi ini bukan sahaja melibatkan pemimpin dalam kerajaan, bahkan turut mengundang tekanan di pihak pembangkang, terutamanya dalam kalangan pemimpin Melayu (Esa, 2020; Adam, 2004).

Permasalahan tersebut bukan sahaja di peringkat Persekutuan Tanah Melayu, tetapi juga kalangan pemimpin Singapura turut memberikan reaksi pelbagai dalam usaha pembentukan gagasan Malaysia. Hal ini dapat dikaitkan dengan ancaman pengaruh fahaman Komunis di Singapura, mahupun di Persekutuan Tanah Melayu yang dikaitkan dengan Parti Komunis Malaya (PKM) (Esa, 2009). Keadaan lebih merumitkan lagi apabila majoriti penduduk Singapura adalah orang Cina yang sukar untuk menerima pembinaan negara bangsa berdasarkan citra anak watan, bangsa Melayu. Sebelum dibincangkan lebih lanjut, maka dijelaskan terlebih dahulu dari segi metodologi dan kajian literatur.

### **Metodologi dan Kajian Literatur**

Dalam konteks metodologi kajian, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah mengikut disiplin sejarah. Maka metodologi kajian disiplin ini bersifat kualitatif yang diadunkan dengan perbincangan secara deskriptif analitikal (Sugiyono, 2009). Hal ini sesuai dengan tajuk artikel yang membincangkan peristiwa penting lagi bersejarah, yakni menyingkap peranan yang dimainkan oleh pemimpin kerajaan Persekutuan dalam menangani isu Singapura antara tahun 1961-1963. Justeru, kajian kepustakaan digunakan dengan mengumpulkan sumber berbentuk primer dan sekunder. Dalam kajian sejarah, sumber primer begitu penting untuk membolehkan fakta dijelaskan berdasarkan peristiwa seperti sebenarnya berlaku sebagaimana ditegaskan oleh Bapa Persejarahan Moden, Leopold Von Ranke (Kreiger, 1977). Pada prinsipnya, tujuan kajian sejarah dilihat secara falsafah untuk ‘*self-knowledge*’ dengan tanpa ada unsur bias dalam membuat penafsiran terhadap sesuatu peristiwa (Rowse, 1963; Gungwu, 1968). Langkah tersebut menjadikan disiplin sejarah sebagai suatu bentuk kajian yang bersifat saintifik dan objektif (Carr, 1962; Collingwood, 1993).

Sumber primer yang digunakan dalam kajian ini diperolehi dari arkib dan perpustakaan, khususnya dari Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Memorial Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, Arkib Negara Singapura, Perpustakaan National University of Singapore dan Public Record Office (National Archives of England), London. Sumber berkenaan termasuklah laporan, dokumen, fail dan akhbar sezaman yang berkaitan dengan isu Singapura dalam proses pembentukan Persekutuan Malaysia. Sebagai contoh, koleksi teks ucapan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak tentang gagasan Malaysia yang diterbitkan oleh Arkib Negara Malaysia antara tahun 1961-1963. Di samping itu, teks perbahasan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara yang membincangkan isu berkenaan. Seterusnya, Fail CO (Records of the Colonial Offices, Commonwealth and Foreign and Commonwealth Offices, Empire Marketing Board and Related Bodies, 1961- 1962) dan PREM (Records of the Prime Minister’s Office, 1961-1963). Rekod fail tersebut boleh diperolehi dari National Archives of England (Public Record Office, Kew Garden).

Akhbar sezaman yang dirujuk termasuklah seperti *The Sunday Times*, *Straits Times*, *North Borneo News* and *Sabah Times* dan *Berita Harian* antara tahun 1961-1963. Sementara sumber sekunder pula digunakan dalam kajian ini seperti buku dan artikel dalam jurnal yang menyentuh secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan isu Singapura dalam gagasan Malaysia. Daripada kedua-dua jenis sumber ini, maka pengkaji akan menjelaskan sebab musabab peristiwa itu berlaku, serta membuat tafsiran terhadap peristiwa berkenaan agar huraianya lebih bersifat objektif dan saintifik (Esa, et al., 2021; Ationg, et al., 2020).

Dari segi skop kajian pula, perbincangan adalah selari dengan tema iaitu sejarah proses penubuhan Persekutuan Malaysia yang bermula dari perisytiharan gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman pada 27 Mei 1961 sehingga 16 September 1963 sebagai tarikh penubuhan Persekutuan Malaysia. Dalam tempoh tersebut, ia juga melibatkan beberapa pemimpin utama negara, termasuklah Perdana Menteri pertama, Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri (Esa, Sansalu & Tamring, 2011). Begitu juga, tokoh utama Singapura iaitu Lee Kuan Yew sebagai antara aktor utama dalam merealisasikan penubuhan Persekutuan Malaysia. (Esa, 2012; Milne & Mauzy, 1977) Apa pun proses penubuhan Persekutuan Malaysia itu tidak semudah sepertimana yang diharapkan apabila terdapat beberapa isu yang perlu ditangani secara hikmah, khususnya berkaitan dengan Singapura.

Dari segi kajian literatur, terdapat beberapa penulisan yang berkaitan dengan gagasan Malaysia yang rata-ratanya membincangkan secara sehala antara Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura, Sabah dan Sarawak, serta termasuk Brunei sungguhpun menarik diri pada saat-saat akhir sebelum pengumumannya. Rata-rata juga penulisan membincangkan topik ini dalam konteks gagasan Malaysia yang menjadi sebahagian dari bab dalam buku seperti Esa (2020), Shaw (1976), Adam (2004), Andaya (1984) dan Ongkili (1985). Perihal yang menarik seperti Lee Kuan Yew (1998 & 2000) turut menulis sendiri pengalamannya ketika proses pembentukan Malaysia. Sementara Esa & Ationg (2020) telah membincangkan isu dan cabaran Singapura ketika dalam Persekutuan Malaysia sehingga penyingkiran pulau Singa ini pada tahun 1965. Justeru, bagi tujuan mengisi kelompong, maka artikel ini lebih memfokuskan kepada peranan pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu ketika berhadapan dengan beberapa isu Singapura sebelum perisytiharannya pada 16 september 1963.

## **Dapatan dan Perbincangan**

### ***Isu Singapura: Peringkat Awal Gagasan Persekutuan Malaysia***

Pemimpin Persekutuan yang diterajui oleh Tunku Abdul Rahman mula serius melaksanakan agenda penubuhan Persekutuan Malaysia setelah pengumuman itu dibuat pada 27 Mei 1961. Dengan pengumuman tersebut, ia secara langsung datang cadangan tersebut daripada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu apabila Tunku sendiri membuat perisytiharan tersebut. Sejak itu, pemimpin kerajaan persekutuan telah terlibat secara langsung dalam beberapa rundingan dengan pemimpin Singapura, Brunei, Sabah dan Sarawak, di samping dengan kerajaan British. Mereka sedar bahawa sejak dari awal lagi sudah terdapat tuntutan yang tidak dapat dielakkan untuk menggabungkan wilayah-wilayah yang dicadangkan itu. Justeru itu, para pemimpin dalam kerajaan persekutuan sentiasa berganding bahu dengan Tunku Abdul Rahman untuk merealisasikan gagasan Malaysia. Dalam konteks Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman bersama dengan Tun Abdul Razak merupakan ‘key person’ dalam percaturan drama

gagasan Persekutuan Malaysia. Mereka telah terlibat dalam membincangkan persoalan gagasan Malaysia dengan pegawai tertinggi British dan pemimpin politik Singapura sejak sebelum Tunku Abdul Rahman membuat pengumuman tersebut lagi (Ongkili, 1985; Esa, 2020). Justeru, sungguhpun Tunku membuat pengumuman tersebut secara rasmi, namun di sebaliknya ia telah mendapat restu daripada pihak British sejak dari awal lagi.

Pada 27 Mei 1961 dapat dianggap sebagai tarikh keramat idea gagasan Malaysia. Tarikh itu begitu signifikan lagi apabila diisytiharkan di Singapura sebagai kota termaju di rantau ini. Singapura bukan sekadar pusat perdagangan, tetapi turut menjadi pusat pentadbiran ‘jajahan mahkota British’ terpenting di Asia. Sesungguhnya, British yang mengatur segala agenda di sebalik gagasan Malaysia tersebut. Pemimpin tempatan, termasuklah pemimpin dari Singapura, Sabah dan Sarawak sekadar membantu berasaskan perundingan agar kemerdekaan dapat dicapai dengan berasaskan gabungan tersebut. Hal ini penting di pihak British agar rantau Asia Tenggara masih menjadi naungan strategik British, sungguhpun selepas kemerdekaan wilayah berkenaan.

Walau bagaimanapun, tidak semudah idea itu untuk direalisasikan apabila terdapat beberapa isu yang perlu diambil kira semasa perundingan tersebut. Tanggal 13 Januari 1961, pemimpin persekutuan yang diwakili oleh Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak telah mengambil kesempatan untuk mengadakan rundingan dengan Duncan Sandys (*British Commonwealth and Colonial Secretary*) yang ketika itu melakukan lawatannya ke Tanah Melayu. Antara agenda yang dibincangkan termasuklah isu keselamatan Singapura dan hubungannya dengan Tanah Melayu, serta kedudukan wilayah Borneo dalam percantuman yang lebih besar atau *super-federation*. Duncan Sandys yang enggan memberi jawapan tegas tentang kedudukan wilayah Borneo menyebabkan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak menolak cadangan Sandys supaya Tanah Melayu menerima Singapura. Sikap kedua-dua pemimpin itu amat mengecewakan pihak British dan Lee Kuan Yew (CO 1030/973, Lord Selkirk – CRO, 30 January 1961). Kedua-dua pemimpin persekutuan itu tentu mempunyai alasannya yang tersendiri untuk menolak cadangan tersebut. Antara lain disebabkan isu populasi Singapura majoriti orang bukan Melayu, khususnya orang Cina. Pengalaman pada awal kemerdekaan banyak mengajar mereka untuk lebih berhati-hati dalam menangani isu ini kerana sukar mengawal politik masyarakat Cina untuk menerima negara bangsa berasaskan citra tempatan, orang Melayu. Itu sebabnya populasi Sabah dan Sarawak penting untuk mengimbangi peratusan antara orang Cina dengan anak watan (peribumi).

Walau bagaimanapun, pemimpin kerajaan Persekutuan mula memberi perhatian serius dengan perkembangan Singapura apabila kekalahan PAP (People’s Action Party) dalam pilihan raya kecil, Hong Lim pada penghujung bulan April 1961. Setelah itu, Tun Abdul Razak dan rakan kabinetnya, Tan Siew Sin telah berbincang dengan bekas Setiausaha Pertahanan Tanah Melayu, R.G.K. Thompson untuk meleraikan isu politik yang berlaku di Singapura, terutamanya pengaruh Komunis dalam PAP. Akan tetapi Lee Kuan Yew juga pernah memaklumkan kepada kerajaan Persekutuan hasratnya untuk membebaskan tahanan politik yang pro-Komunis seperti Lim Chin Siong dan Fong Swee Suan. Beliau turut memberi jaminan bahawa pembebasan mereka tidak akan menggugat keselamatan Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kerajaan Tanah Melayu enggan terbabit dalam isu pembebasan tersebut (CO 1030/650, Singapore – British Commonwealth and Colonial Sectretary, 1 Jun 1959).

Pandangan Tun Razak dan Tan Siew Sin itu telah dirumuskan oleh R.G.K. Thompson seperti mana berikut:

*Both Razak and Tan Siew Sin, who are men around 40, are very alive to the dangers of allowing Singapore to drift on towards a greater stage of independence. They realise that although the British may wish to hang on to their bases in Singapore, they might not eventually be able to do so in the face of a strong campaign for complete independence. The military value of the bases was declining and the pressure of world opinion might well convince H.M.G. that it would be wiser to withdraw from Singapore. If this happened, there was little doubt that Singapore would either fall under Communist control or be absorbed by Indonesia. The problem was, however, on what terms Singapore could be safely accepted as an additional state of the Federation without seriously affecting the Malay/Chinese political balance (CO 1030/979, Minutes by P.B.C. Moore, 7 April 1961).*

Lee Kuan Yew sebagai pemimpin berpengaruh di Singapura turut dinasihatkan oleh kerajaan British agar berbincang dengan Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak mengenai isu ancaman Komunis di Singapura. Timbalan Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura, P.B.C. Moore juga meminta Lee Kuan Yew berusaha untuk meyakinkan kedua-dua pemimpin itu dalam usahanya menghapuskan pengaruh Komunis dalam PAP. Lee Kuan Yew yang sejak dari awal-awal lagi berusaha untuk memperjuangkan percantuman Singapura dengan Persekutuan telah menyambut baik saranan tersebut. Sejak 20 April 1959, PAP telah menerbitkan kertas dasarnya yang bertajuk, "Ke Arah Satu Negara Malaya". Antara lain PAP menganggap percantuman Singapura dengan Tanah Melayu adalah 'satu perkara penting dan dianggap sebahagian daripada perjuangan membina sebuah negara Malaya" (*Berita Harian*, 27 April 1959). Justeru, rundingan demi rundingan diadakan bagi memberikan keyakinan kepada pemimpin Persekutuan tersebut.

Lee Kuan Yew telah mengadakan rundingan awal dengan Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail Abdul Rahman (Ooi, 2006). Bagi mereka, satu daripada cara untuk menyelesaikan isu Singapura adalah dengan mencantumkan pulau itu dengan Persekutuan Tanah Melayu mengikut model *Ulster*. Berdasarkan model ini, kerajaan Persekutuan akan bertanggungjawab dalam hal ehwal pertahanan, keselamatan dan hubungan luar. Sementara kerajaan Singapura pula diberi kuasa autonomi dalam bidang-bidang tertentu, tetapi dengan jumlah perwakilannya dihadkan di Parlimen Persekutuan. Kerajaan Singapura juga dikehendaki memberikan sumbangan dalam bentuk kewangan kepada kerajaan pusat (CO 1030/978, Proposed State of Greater Malaysia, 59/4/01 Part B, Office of The High Commissioner for the United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations, 1 December 1960).

Tun Abdul Razak dan Tun Dr. Ismail kemudiannya telah memanjangkan hasil perbincangan mereka kepada Tunku Abdul Rahman. Mereka telah menjelaskan situasi politik di Singapura, serta rancangan Lee Kuan Yew untuk menghalang Singapura daripada menjadi '*an independent Chinese City State*' di bawah pemerintahan parti yang pro-Komunis. Isu ini perlu diatasi dengan segera bagi mengelakkan situasi bertambah rumit lagi. Selain model *Ulster*, Tun Abdul Razak turut mencadangkan agar rancangan *Grand Design* dilaksanakan bagi menyatukan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura dan wilayah Borneo.

Rancangan *Grand Design* merupakan cadangan untuk menggabungkan di antara Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Sabah (Borneo Utara) dan Brunei. Cadangan ini asalnya dikemukakan oleh Malcom MacDonald pada tahun 1949. Idea ini kemudiannya telah diterima semula apabila terdapat kesepakatan ketiga-tiga wilayah Borneo itu semasa dalam ‘Inter-Territorial Conference for the Borneo Territories’ yang diadakan di Kuching pada akhir bulan Oktober 1960 (CO 1030/978, Proposed State of Greater Malaysia, 59/4/01 Part B, Office of The High Commissioner for the United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations, 1 December 1960). Cadangan ini sebagai jalan penyelesaian terbaik untuk mengatasi isu ancaman Komunis di Singapura. Tanpa rancangan ini, *Singapore could not be assimilated without the addition also of non-Chinese people from some or all of the Borneo territories* (CO 1030/979, Minutes by P.B.C. Moore, 7 April 1961). Mereka berpendapat bahawa penyatuan negeri-negeri itu hanya dapat dilakukan secara berperingkat-peringkat kerana kerajaan Persekutuan tidak mampu untuk mengasimilasikan semua negeri itu secara serentak.

Segala pandangan itu telah diambil kira dalam rundingan antara Tunku Abdul Rahman dengan Lee Kuan Yew di Kuala Lumpur pada 23 April 1961. Antara pemimpin Persekutuan yang terlibat sama dalam rundingan ini, termasuklah Tun Abdul Razak, Tun Dr. Ismail dan Dr. Goh Keng Swee (Ooi, 2006; Shaw, 1976). Dalam rundingan ini, Tunku meminta Lee Kuan Yew menyiapkan kertas kerja mengenai gagasan tersebut dan cara-cara untuk merealisasikannya. Lee Kuan Yew dengan bantuan P.B.C. Moore dan Lord Selkirk telah menunaikan tanggungjawab tersebut. Antara lain kertas kerja ini menyentuh tentang dua alternatif dalam merealisasikan Gagasan Malaysia. Pertama, setiap wilayah perlu mencapai taraf kemerdekaan secara berasingan, dan selepas itu bercantum dalam Gagasan Malaysia; atau kedua, mencantumkan ketiga-tiga wilayah itu dalam satu gagasan. Cadangan kedua ini telah diterima oleh Perdana Menteri Persekutuan, Tunku Abdul Rahman (CO 1030/979, Paper on the Future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo Territories, 1961). Dengan kertas kerja ini, Tunku Abdul Rahman telah menyampaikan hasratnya kepada Pesuruhjaya Tinggi British, Geoffrey Tory untuk membuat kenyataan penting mengenai *Grand Design* itu (CO1030/979, Kuala Lumpur – CRO, 26 Mei 1961). Hasrat Tunku Abdul Rahman itu ditunaikan pada 27 Mei 1961 di Singapura.

Sarjana seperti Sopiee (1974) dan Means (1963) melihat peranan Singapura dan Lee Kuan Yew sebagai faktor utama yang mendorong kerajaan British dan Tunku Abdul Rahman untuk menuju ke Malaysia. Sementara Adam (2004) dan Esa (2011) pula, melihat peranan British untuk menjaga kepentingannya di rantau ini, terutamanya dari segi ekonomi dan keselamatan sebagai faktor utama penubuhan Malaysia. Namun begitu, tidak dinafikan bahawa faktor-faktor itu saling berkait untuk mempercepatkan lagi proses penubuhan Malaysia. Sesungguhnya, pengumuman Tunku Abdul Rahman itu telah dijangkakan dan dirancang dengan teliti sama ada pihak British, kerajaan Persekutuan, mahupun pemimpin Singapura.

### ***Isu Singapura: Dari Perspektif Pemimpin Tempatan Tanah Melayu***

Sebagaimana Tunku Abdul Rahman, pemimpin dalam kerajaan Persekutuan juga melihat bahawa wilayah Borneo, Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu perlu digabungkan di bawah Gagasan Malaysia. Mereka senada dalam melihat keperluan gagasan ini seperti mana dalam ucapan Tun Abdul Razak kepada Majlis Raja-Raja Melayu pada 27 Julai 1961. Antara lainnya sebagaimana berikut:

*...sebahagian besar daripada penduduk-penduduk Persekutuan Tanah Melayu dan negeri-negeri ini mempunyai perhubungan yang rapat dalam segi sejarah dan iktisad. Dan negeri-negeri ini akan mendapat kemajuan yang sebenarnya jika mereka itu disatukan dengan Persekutuan Tanah Melayu (Ucapan Timbalan Perdana Menteri kepada Majlis Raja-Raja di Kuala Lumpur pada 27hb Julai, 1961, dalam Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1961).*

Di samping itu, Tun Abdul Razak menjelaskan betapa perlunya gagasan ini bagi mengukuhkan entiti politik Persekutuan Tanah Melayu dalam menghadapi isu ancaman Komunis yang semakin memuncak di beberapa buah negara Asia Tenggara. Masalah politik Singapura yang semakin condong kepada Komunis dijangka akan merumitkan lagi kedudukan pertahanan dan keselamatan Persekutuan Tanah Melayu. Isu Singapura agak berbeza jika dibandingkan dengan Sabah dan Sarawak. Sabah dan Sarawak sering dianggap sebagai pengimbang kepada Singapura dalam gagasan Malaysia. Hal ini turut dialami oleh pemimpin kerajaan Persekutuan yang tidak menolak wujudnya kerisauan dan kebimbangan status Singapura tersebut (Subky, 1976; Adam 2004; Esa, et al., 2011a). Sebagai contoh, Tun Abdul Razak masih tidak dapat menutup kekhawatirannya terhadap Singapura dalam Gagasan Malaysia.

*kenalah dipertimbangkan berlainan sedikit kerana Singapore telahpun berkemajuan dan mempunyai kerajaan yang berkuasa penuh dalam hal-hal dalam negeri dan lagi Singapore penduduk-penduduknya sebahagian besar daripadanya belum lagi mempunyai taat setia yang tidak berbelah bagi kepada Tanah Melayu (Ucapan Timbalan Perdana Menteri kepada Majlis Raja-Raja di Kuala Lumpur pada 27hb Julai, 1961, dalam Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1961).*

Sebenarnya, perkara ini juga yang sering ditimbulkan oleh pemimpin kerajaan Persekutuan sejak sebelum pengumuman rasmi tentang gagasan tersebut. Sebelum pengumuman Gagasan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman, beliau sering manafikan setiap kali Lee Kuan Yew menyebut mengenai percantuman sebagai satu kemungkinan ataupun sebagai matlamat perjuangan PAP. Malahan Tunku pernah mengatakan bahawa '*the people of Singapore would never be the friends of Malaya or become true Malayans in a thousand years*' (PREM 11/3422, M.J. Moynihan – Colonial Secretary, 13 Oktober 1961). Mereka sedar tentang perbezaan pandangan yang amat ketara antara penduduk Singapura dengan penduduk Tanah Melayu. Penduduk Singapura yang terdiri daripada 70 peratus orang Cina tentu sukar untuk menerima perlembagaan Tanah Melayu seperti kedudukan raja-raja Melayu, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, Islam sebagai agama rasmi dan Kedudukan Istimewa Orang Melayu.

Sebagaimana yang dijangkakan, pernyertaan Singapura dalam gagasan Malaysia telah menimbulkan perbahasan hangat di Parlimen dalam usaha Tunku Abdul Rahman mendapatkan kelulusan Rang Undang-Undang berkaitan dengan konsep Gagasan Malaysia pada bulan Oktober 1961 (Ucapan Tunku Abdul Rahman pada 16 Oktober 1961, *Perbahasan Dewan Rakyat*, Jil. III, 1961-1962; *Straits Times*, 29 Oktober 1961). Wakil PAS telah menolak usul itu dengan alasan bahawa ia ‘bertentangan dengan kepentingan rakyat Melayu yang menjadi tonggak dalam negeri ini’. Kerajaan juga diingatkan agar tidak terperangkap dengan strategi politik Lee Kuan Yew. Malah wakil PAS juga telah memberi amaran bahawa “...ia akan menjadi penyakit *cancer* yang akan menyebabkan seluroh badan Persekutuan Tanah Melayu

akan menderita kerana-nya' (Persekutuan Tanah Melayu, *Perbahasan Dewan Rakyat*, Jil. III, 1961-1962; Perbahasan Parlimen, Dewan Negara, Parlimen Pertama Penggal Kedua, Jil. II, 1960-1961). Pendek kata, PAS menolak Rang Undang-undang tersebut yang dianggap merugikan bangsa Melayu dan suatu ancaman kepada Islam.

Sebaliknya, Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri yang menyokong kuat usul itu telah menjawab segala bantahan wakil-wakil PAS tersebut. Antara lain beliau berusaha memberi keyakinan seperti mana berikut:

*Dasar kami yang terutama sekali ialah menimbangkan kepentingan negeri ini dan warga negaranya yang taat setia kepada negeri ini. Selagi kami belum puas hati dengan sepenuhnya bahawa warga negara Singapura akan taat setia kepada Malaya dan bekerja untuk kepentingan negeri, maka soal percantuman itu hendaklah dibuat oleh Tunku Abdul Rahman sendiri (Berita Harian, 14 Oktober 1961).*

Sungguhpun tanpa sokongan PAS, Rang Undang-Undang Malaysia tetap mendapat sokongan majoriti ahli-ahli Parlimen untuk membolehkan kerajaan Persekutuan meneruskan usaha tersebut. Pada 4 November 1961, Perhimpunan Agung Khas UMNO yang diadakan untuk membahaskan usul penubuhan Malaysia. Tunku Abdul Rahman tidak menghadapi masalah untuk mendapatkan mandat daripada UMNO untuk meluluskan usul tersebut. (Persidangan Khas UMNO, 4 November 1961)

#### ***Isu Singapura: Cabaran dalam Pembentukan Persekutuan Malaysia***

Setelah mendapat mandat, delegasi kerajaan Persekutuan Tanah Melayu diketuai oleh Tunku Abdul Rahman ke London pada 16 November 1961. Degelasi ini turut disertai oleh Tun Abdul Razak, Tan Siew Sen, Ghazali Shafie dan Abdul Kadir Samsuddin. Rundingan telah diadakan dengan pihak British yang diketuai oleh Perdana Menteri, MacMillan, pada 19 hingga 21 November 1961. Agenda yang dibincangkan termasuklah melihat kepentingan Singapura dalam gagasan Malaysia. Sementara pangkalan tentera British di Singapura dan Borneo pula, kedua-dua kerajaan bersepakat untuk memeterai suatu perjanjian baharu selepas terbentuknya Persekutuan Malaysia (Esa, 2020; Shaw, 1976).

Antara lain perjanjian tersebut adalah untuk membenarkan kerajaan British mengekalkan pangkalan tenteranya bagi membantu mempertahankan Malaysia dan negara-negara Komanwel, serta keamanan di rantau Asia Tenggara. Selain itu, kedua-dua kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Suruhanjaya Penyiasat bagi meninjau pandangan penduduk Sabah dan Sarawak terhadap gagasan Malaysia. Sesungguhnya, Laporan Suruhanjaya menjadi asas kepada kedua-dua kerajaan untuk memutuskan skema Persekutuan Malaysia kelak (CO 1030/996, Extract: GMD (B) (61) First Meeting, 20 November 1961; CAB 129/107, Joint Statement by the Government of the United Kingdom and of the Federation of Malaya, November 1961). Sementara sepanjang tempoh tersebut, beberapa rundingan turut diadakan di antara para pemimpin wilayah yang terlibat dengan penubuhan Malaysia. Rundingan ini dikenali sebagai 'Malaysia Solidarity Consultative Committee' (MSCC).

Pada 25 Jun, delegasi Persekutuan Tanah Melayu ke London untuk membincangkan Perjanjian Penubuhan Malaysia (*Straits Times*, 26 Jun 1963). Sekali lagi Tun Abdul Razak diberi tanggungjawab oleh Tunku Abdul Rahman untuk menyelesaikan beberapa isu yang tertangguh di antara kerajaan Persekutuan dengan Singapura, dan sepihak lagi dengan Brunei. Antara mereka yang mengiringi Tun Abdul Razak ialah Tan Siew Sen (Menteri Kewangan), Cecil Sheridan (Timbalan Menteri Perdagangan) dan Aziz Yope (Peguam Negara). Rundingan ini diadakan atas jemputan kerajaan British yang mahu melihat perisytiharan Malaysia dapat dilakukan pada 31 Ogos 1963 (Esa, 2011, Paridah, 1998, Shaw, 1976). Sebelum rundingan, Tun Abdul Razak telah meluahkan perasaan keyakinannya seperti mana yang digambarkan oleh seorang pegawai tertinggi British, W.J. Watts. Menurutnya,

*Tun Razak was in very good form and appeared to be supremely confident that there would be no hitches to prevent Malaysia coming into being on 31st August. On the subject of Singapore he said that Lee Kuan Yew was bluffing. He had no cards to play. The Federation would stand firm, and after ranting for another five or six weeks Lee Kuan Yew would come to heel. As regards Brunei he said that he had, of course, plenty of experience of dealing with Sultans. The Sultan of Brunei was being particularly difficult and it might be that agreement would not be reached in time for Brunei's entry into Malaysia on the 31st August. But with only 85,000 people Brunei would have to choose between Indonesia and Malaysia, and the Sultan was not so foolish as to trust himself to Sukarno (DO 187/30, Record of Conversation between Mr. W.J. Watts of the British High Commission, Colombo and Tun Razak, Deputy Prime Minister of Malaya, 25<sup>th</sup> June, 1963).*

Sungguhpun begitu, Tun Abdul Razak tetap akur dengan tekanan yang terpaksa dihadapinya daripada Sultan Brunei dan pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew. Sementara pihak British pula belum tentu memainkan peranan sebagai pengimbang kepada tuntutan mereka. Justeru itu, Tun Abdul Razak mengharapkan kuasa kerajaan pusat dapat dipertimbangkan sewajarnya sebagaimana yang pernah disuarakan beliau dalam I.G.C. sebelum ini. Katanya:

*...that a strong, Central Federal Government was necessary in Malaysia. It was not an alien Government. The people of Singapore should realise that the Federation Government is not alien to them. The Federation will have no territory. In Malaya today we come from all parts of the Federation to form a strong, central government. Malaysia could not prosper and the Central Government would not be able to carry out its development work and give the people progress and happiness if its powers weakened (DO 187/30, Talks in London on the Establishment of the Federation of Malaysia, June-July 1963).*

Berdasarkan rekod British, Tun Abdul Razak, mahupun Tan Siew Sen telah pun menunjukkan perasaan kurang senang terhadap Lee Kuan Yew sejak sebelum mereka duduk semeja lagi. Tun Razak menganggap “Mr. Lee’s ‘tactics’ as ‘unfair’” (DO 187/30, Talks in London on the Establishment of the Federation of Malaysia, June-July 1963). Dengan kata lain, mereka sedar dengan taktik kotor yang digunakan oleh Lee Kuan Yew dalam menuntut hak yang lebih menguntungkan Singapura sambil meminggirkan kekuasaan kerajaan pusat. Justeru itu, sejak awal-awal lagi mereka mengambil langkah berhati-hati terhadap Lee Kuan Yew.

Rundingan delegasi Persekutuan Tanah Melayu dengan delegasi Singapura telah dipengerusikan oleh Duncan Sandys (*British Commonwealth and Colonial Secretary*).

Rundingan ini berlangsung selama hampir 13 jam dengan dua kali pertemuan; Pertemuan terakhir berlangsung semalam yang menyaksikan ‘tekanan’ kepada kedua-dua belah pihak untuk mencapai kata putus (Yew, 1998; Yew, 2000a). Menurut Lee Kuan Yew, beliau telah membuat persiapan rapi sebelum menghadiri mesyuarat tersebut, termasuklah membawa bekalan makanan (roti sandwic) yang mencukupi untuknya. Sebaliknya, hal ini tidak dilakukan oleh Tun Abdul Razak sepihama kata Lee Kuan Yew. Selama enam bulan, Lee Kuan Yew juga telah mengutus surat kepada kerajaan British untuk mempertimbangkan segala tuntutan Singapura sebagai syarat sebelum menyertai Persekutuan Malaysia (Yew, 2000; Esa, 2011).

Pada akhir rundingan, kedua-dua pihak mencapai kata sepakat berikut: Pertama, Lee Kuan Yew bersetuju untuk membayar 40 peratus cukai nasional daripada yang asalnya sebanyak 55 peratus yang dituntut oleh Tun Razak atau 28 peratus daripada pendapatan keseluruhan Singapura kepada kerajaan Persekutuan bagi memenuhi perbelanjaan pertahanan yang perlu ditambah kerana konfrontasi dengan Indonesia. Kedua, sebagai ganti kepada sumbangan \$50 juta untuk pembangunan Sabah dan Sarawak yang dituntut oleh Tun Abdul Razak, Lee bersedia untuk memberikan pinjaman \$150 juta, yakni \$100 juta daripada jumlah itu tidak dikenakan sebarang faedah selama lima tahun. Ketiga, pasaran bersama yang dituntut oleh Lee akan dilaksanakan dalam tempoh 12 tahun, di samping perlaksanaan bebas cukai untuk kebanyakan barang penting dalam perdagangan entreport (DO 187/30, Agreement Reached on Malaysia by a London Press Service Commonwealth Correspondent, 6 Julai 1963; Yew, 1998). Pada hakikatnya, ketiga-tiga tuntutan yang diperolehi itu menjadi pelengkap kepada kuasa autonomi yang lebih besar untuk Singapura, selain beberapa dasar yang diperolehinya sebelum ini termasuk buruh dan pendidikan.

Setelah selesai rundingan, Tunku Abdul Rahman ke London selepas menerima telegram daripada Tun Abdul Razak untuk menandatangani Perjanjian Malaysia. Pada 9 Julai, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak dan Tan Siew Sin menandatangani Perjanjian Malaysia dengan kerajaan Britain yang diwakili oleh Perdana Menteri, Harold MacMillan, Duncan Sandys, Sir William Goode dan Sir Alex Wadell. Para pemimpin Sabah, Sarawak dan Singapura turut menandatangani Perjanjian Malaysia. Menerusi perjanjian ini, maka suatu persetujuan bersama telah dicapai untuk menubuhkan Malaysia pada 31 Ogos 1963 (DO 187/30, Prime Minister to Sign Malaysia Agreement in London, 1963).

Sekembali dari London, Tun Abdul Razak selaku Timbalan Perdana Menteri membacakan usul ‘The Malaysia Bill’ untuk mendapat pengesahan di Dewan Rakyat (Speech by the Deputy Prime Minister on the Second Reading of the Malaysia Bill at the Dewan Rakyat on 15<sup>th</sup> August, 1963, *Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein, 1963*). Sebagaimana usul ‘Gagasan Malaysia 1961’, keadaan yang sama juga berlaku apabila Tun Abdul Razak terpaksa menjawab segala bantahan daripada parti pembangkang, khususnya wakil PAS. Sebagai contoh, wakil PAS, Zulkiflee Muhammad mempersoalkan kesahihan dakwaan bahawa percantuman Singapura dengan Malaysia adalah untuk mengelakkan pulau itu daripada dikuasai oleh Komunis dan menjadikan Singapura sebagai negara Cuba kepada Persekutuan Tanah Melayu. Beliau juga mempersoalkan kebijaksanaan dalam memberi kuasa dalam bidang pendidikan kepada Singapura sedangkan dasar pelajaran kebangsaan menuju ke arah perpaduan. Malah beliau berpendapat janji kerajaan Singapura untuk mempertingkatkan taraf ekonomi, pelajaran, hak kemasyarakatan dan politik adalah satu ‘mockery’ atau permainan

sahaja, khususnya kepada orang Melayu Singapura (Nik Mahmud, 2001). Antara lain beliau berusaha memberi keyakinan sepertimana berikut:

*...tujuan kita hendak menubuhkan Malaysia ini ia-lah hendak mengadakan keamanan dan kesenangan bagi penduduk di wilayah-wilayah ini, sebab tujuannya ialah hendak memberi kemerdekaan kepada negara Singapura, Sabah dan Sarawak....  
(Penyata Dewan Rakyat, 19 Ogos 1963)*

Mengenai kedudukan orang Melayu di Singapura pula, Tun Abdul Razak memberi jaminan bahawa kedudukan mereka tidak akan terjejas, malah mereka akan menikmati hak keistimewaan seperti mana orang Melayu di Persekutuan. Sementara persoalan sama ada pihak kerajaan berada dipihak yang benar ataupun tidak dengan penubuhan Malaysia, Tun Abdul Razak dengan tegas menjawab, “sejarah-lah yang boleh menentukan” (Esa, 2011; Nik Mahmud 2001). Walaupun terdapat bantahan, pemimpin kerajaan persekutuan dengan mudah mendapat suara majoriti anggota parlimen untuk meluluskan rang undang-undang penubuhan Malaysia.

Menurut Lee Kuan Yew, Duncan Sandys tidak yakin bahawa kerajaan persekutuan akan berani berhadapan dengan pemimpin Indonesia untuk memaklumkan tarikh baharu pengisytiharan Malaysia itu. Tunku Abdul Rahman yang bimbang dengan dasar konfrontasi Indonesia telah meminta Tun Abdul Razak untuk menemui Menteri Luar Indonesia, Dr. Subandrio. Tun Abdul Razak telah menunaikan tanggungjawab itu dengan menemui Dr. Subandrio di Singapura untuk memaklumkan tarikh baharu tersebut (Yew, 2000, Esa, 2012). Namun begitu, Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew terus menimbulkan isu apabila mengisytiharkan kemerdekaannya secara *unilateral* dengan lebih awal, yakni pada 31 Ogos 1963. Sementara Sabah dan Sarawak pula seperti mana yang dijadualkan penubuhan Persekutuan Malaysia, iaitu 16 September 1963.

## Rumusan

Singapura merdeka melalui penubuhan Persekutuan Malaysia yang secara rasminya pada 16 September 1963. Pemimpin Singapura yang diketuai oleh Lee Kuan Yew berjaya mengatur strategi agar dapat merdeka menerusi persekutuan tersebut. Usaha ini turut dibantu oleh pemimpin Persekutuan Tanah Melayu, terutamanya Tunku Abdul Rahman dan Tun Abdul Razak. Mereka mengakui bahawa cabaran Singapura lebih besar berbanding dengan wilayah lain, iaitu Sabah dan Sarawak. Hal ini dapat dikaitkan dengan isu pengaruh Komunis dan kestabilan politik, serta usaha mempercepatkan lagi proses kemerdekaan Singapura tersebut. Mereka juga sedar dengan kehendak dan strategi British dalam mengatur gagasan Persekutuan Malaysia. British tentu berusaha untuk mengekalkan pengaruh dan strategik keselamatan kuasanya di rantau ini. Justeru, pemimpin kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak dapat menolak Singapura dalam gagasan ini, sungguhpun terdapat banyak isu yang perlu difikirkan pada masa hadapan. Perihal yang menarik isu ini dapat disedari dari awal oleh pemimpin PAS agar mereka tidak terperangkap dengan strategi politik Lee Kuan Yew dan isu Singapura ini boleh menjadi ‘penyakit cancer’ yang boleh menimbulkan banyak masalah kepada Persekutuan Tanah Melayu kelak.

Sesungguhnya, hasil perbincangan di atas jelas menunjukkan peranan pemimpin Persekutuan Tanah Melayu dalam isu Singapura ketika gagasan Malaysia diperkenalkan sejak tahun 1961 lagi. Justeru, kajian ini dapat dilihat akan kepentingannya dari sudut sejarah bagi kedua-dua

negara sama ada Malaysia mahupun Singapura. Apa yang berlaku dapat dilihat unsur dinamika dan dramatik dalam proses membina sesbuah negara bangsa. Jelas sekali dalam usaha membina negara bukanlah sesuatu proses yang mudah yang perlu difahami oleh masyarakat agar mereka lebih menghargai dan mencintai tanah air sendiri. Kajian ini juga boleh diperluaskan lagi untuk tujuan penyelidikan pada masa akan datang dengan berasaskan sumber awalan dan tafsiran yang lebih kritikal dalam melihat isu Singapura ketika pembentukan Persekutuan Malaysia.

### **Penghargaan**

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan yang didaftarkan dengan Universiti Malaysia Sabah sumbangan Global Academic Excellence (GAE) - Kod Geran: TLS2111, TLS2109 & TLS2105 dan Erudites Knowledge Unlimited (EKU) - Kod Geran: TLS2010).

### **Rujukan**

- Adam, R. (2004). Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra, Kuala Lumpur: DBP.
- Andaya, B.W. dan Andaya L.Y. 1982. A History of Malaysia. Macmillan Asian History Series: London.
- Ationg, R., Esa, M., Ibrahim, M. & Muis, A.M.R.A (2020). Menyingkap Polemik Peralihan Kuasa Secara Luar Biasa Mengikut Perspektif Demokrasi Berparlimen. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), 5(11), 43 - 53.
- Berita Harian. (1959). 27 April.
- Berita Harian, 1(1961). 4 Oktober.
- Carr, E.H. (1962). What is History? New York: Alfred A. Knopf.
- CO 1030/973. (1961). Lord Selkirk – CRO, 30 January.
- CO 1030/650. (1959). Singapore – British Commonwealth and Colonial Secretary, 1 Jun.
- CO 1030/979. (961). Minutes by P.B.C. Moore, 7 April.
- CO 1030/978. (1960). Proposed State of Greater Malaysia, 59/4/01 Part B, Office of The High Commissioner for the United Kingdom, Kuala Lumpur to Secretary of State for Commonwealth Relations, 1 December.
- CO 1030/979. (1961). Paper on the Future of the Federation of Malaya, Singapore and the Borneo Territories).
- CO1030/979. (1961). Kuala Lumpur – CRO, 26 May.
- CO 1030/996. (1961). Extract: GMD (B) (61) First Meeting, 20 November 1961; CAB 129/107, Joint Statement by the Government of the United Kingdom and of the Federation of Malaya, November 1961.
- DO 187/30. (1963). Record of Conversation between Mr. W.J. Watts of the British High Commission, Colombo and Tun Razak, Deputy Prime Minister of Malaya, 25<sup>th</sup> June.
- DO 187/30. (1963). Talks in London on the Establishment of the Federation of Malaysia, June-July.
- DO 187/30. (1963). Agreement Reached on Malaysia by a London Press Service Commonwealth Correspondent, 6 July.
- DO 187/30. (1963). Prime Minister to Sign Malaysia Agreement in London.
- Collingwood, R.G. (1993). The Idea of History. Oxford University Press.
- Department of Information, Federation of Malaya. (1962). Malaysia, No. 2, April.
- Esa, M.S., Sansalu D. dan Tamring. B.A.M. (2011a). Hubungan Etnik: Kelangsungan Pembinaan Negara Bangsa. Puchong: Penerbit Multimedia.

- Esa, M.S. (2011). Peranan Tun Abdul Razak dalam pentadbiran dan pembangunan negara. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Esa, M.S. (2012). Malaysia dan Alam Sekeliling. Kuala Lumpur: Freemind Horizon.
- Esa, M.S. (2020). Tun Razak: Bapa Pembangunan Negara. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
- Esa, M. S., Othman, I. W., Ationg, R., Ibrahim, M. A., Adam, S. D. S., Hamid, J. A., & Hajimin, M. N. H. H. (2021). Demokratisasi Suruhanjaya Reid: Dampak Signifikan Kepimpinan Parti Perikatan. International Journal of Law, Government and Communication, 6 (23).
- Esa, M.S. (2001). Reaksi Awal Penduduk Borneo Utara ke Atas Penubuhan Malaysia Dalam Laporan Akhbar The North Borneo News and Sabah Times (Mei-Disember 1961). MANU, Bil. 6.
- Esa, M.S. (2009). Tun Abdul Razak: Menangani Masalah Ancaman Komunis dan Darurat, Prosiding Seminar Dasar Malaysia Peringkat Antarabangsa, Kota Kinabalu: Penerbitan UiTM dan Kerajaan Negeri Sabah.
- Esa, M.S. (2012). Sumbangan Tun Abdul Razak dalam membina hubungan Malaysia-Indonesia, dalam SEJARAH: Journal of the Department of History.
- Esa, M.S. & Ationg, R. (2020). Menyingkap peristiwa penyingkiran Singapura dari Malaysia (1933-1965). Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH), vol. 5 (12).
- Gungwu, W. (1968). The Use of History. Athens: Ohio Center for International Studies.
- Kreiger, L. (1977). Ranke: The Meaning of History. Chicago: University of Chicago Press.
- Means, G.P. (1963). Malaysian: A New Federation in Southeast Asia”, Pacific Affairs, Vol. XXXVI, no. 2.
- Means, G.P. (1970). Malaysian Politics. London: Hodder and Stoughton.
- Milne, R.S. (1976). The Politics of Malaysia’s New Economic Policy. Pacific Affairs. Jil. 49, No. 2.
- Milne, R.S. dan Mauzy, D.K. (1977). Politics and Government in Malaysia. Singapore: Federal Publications.
- Nik Mahmud, N.A. (2000). Konfrontasi Malaysia-Indonesia. Bangi: Penerbitan UKM.
- Nik Mahmud, N.A.(2001). Duri dalam Daging: Singapura dalam Malaysia. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- North Borneo News and Sabah Times, 28 Mei 1961.
- Ongkili, James P. (1985). Nation Building in Malaysia, 1946-1974. Singapore: Oxford University Press.
- Ooi Kee Beng. 2006. The Reluctant Politician – Tun Dr. Ismail and His Time. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies dan Kuala Lumpur: Strategic Information and Research Development Centre, Malaysia.
- Paridah Abd. Samad. 1998. Tun Abdul Razak: A Phenomenon in Malaysian Politics, A Political Biography. Kuala Lumpur: Affluent Master Sdn. Bhd.
- Penyata Dewan Rakyat, 19 Ogos 1963. (1963). Kuala Lumpur: Persekutuan Tanah Melayu.
- Persekutuan Tanah Melayu. (1961). Perbahasan Dewan Rakyat, Jil. III, 1961-1962. Kuala Lumpur: Persekutuan Tanah Melayu.
- Persekutuan Tanah Melayu. (1961). Perbahasan Parlimen, Dewan Negara, Parlimen Pertama Penggal Kedua, Jil. II, 1960-1961. Kuala Lumpur: Persekutuan Tanah Melayu.
- Persidangan Khas UMNO. (1961) 4 November. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- PREM 11/3422, M.J. (1961). Moynihan – Colonial Secretary, 13 Oktober 1961.

- Rahman, T. A. (1977). Looking Back: Monday Musings and Memories. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Rowse, A.L. (1963). The Use of History. London: Hodder & Stoughton.
- Sanusi Osman. (1989). Ikatan Etnik dan Kelas di Malaysia, Bangi: Penerbit UKM.
- Sansalu, D., Esa, M.S., Karulus Y. dan Tamring, B.A.M. (2015). Eksplorasi Hubungan Etnik. Kuala Lumpur: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Shaw, W. (1976). Tun Razak: His Life and Times. California: University of California.
- Shaw, W. 1976. Tun Razak: His Life and Times. Kuala Lumpur: Longman Malaysia,
- Silcock T.H. dan Fisk, E.K., eds., (1963). The Political Economy of Independent Malaya. Singapore.
- Sopiee, M.N. (1974). From Malayan Union to Separation: Political Unification in the Malayan Region 1945-46. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Speech by the Deputy Prime Minister on the Second Reading of the Malaysia Bill at the Dewan Rakyat on 15<sup>th</sup> August, 1963. Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. (1963). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Straits Times, (1963). 26 Jun.
- Sugiyono. (2009). Metode Penelitian Kuantitatif, Kualitatif dan R&D. Bandung: Alfabeta Arikunto.
- Subky Latiff. 1976. Suka Duka Politik Tun Razak. Kuala Lumpur: Amir Enterprise.
- The Sunday Times, 28 Mei 1961.
- Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. (1963). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Ucapan-Ucapan Tun Haji Abdul Razak Bin Hussein. (1972). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Ucapan Timbalan Perdana Menteri kepada Majlis Raja-Raja di Kuala Lumpur pada 27hb Julai, 1961, dalam Ucapan-ucapan Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. (1961). Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Ucapan Tunku Abdul Rahman pada 16 Oktober 1961. Persekutuan Tanah Melayu, Perbahasan Dewan Rakyat, Jil. III, 1961-1962. (1961). Kuala Lumpur: Persekutuan Tanah Melayu.
- Young, K., Bussink W.C.F. dan Hassan, P. (1980). Malaysia: Growth and Equity in a Multiracial Society. Baltimore: The Johns Hopkins University Press.
- Yew, L.K. (1998). The Singapore Story:Memoirs of Lee Kuan Yew. Singapore: Times Edition.
- Yew, L.K. (2000). The Singapore Story: From Third World to First. Singapore: Singapore Press Holding.
- Yew, L.K. (2000a). The Singapore Story:1965-2000: Memoirs of Lee Kuan Yew. Singapore: Press Holdings and Times Edition, Singapore.